

21 AUG 1997

ANWAR: JANGKAAN DEFISIT LEBIH LUAS TAHUN INI KERANA ISU RINGGIT TAK TEPAT

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Jangkaan bahawa defisit akaun semasa akan menjadi lebih luas tahun ini, berdasarkan tanggapan bahawa ringgit akan terus lemah sepanjang tahun, adalah tidak tepat, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

"Ramalan ini dibuat atas dasar bahawa ringgit akan terus lemah sehingga akhir tahun ini," katanya kepada pemberita pada Kongres Perubatan Malaysia-Singapura ke-31 di sini.

"Ia didasarkan kepada beberapa perkembangan semasa ... Saya rasa itu tak tepat," tambah beliau.

Ringgit ditutup meningkat sedikit hari ini pada 2.7630/60 berbanding dolar Amerika daripada 2.7665/95 ketika ditutup semalam.

Bagi tahun 1996, Malaysia mencatat defisit akaun semasa sebanyak RM12.252 bilion.

Bagi suku pertama tahun ini, defisit akaun semasa ialah RM1.8 bilion. Ini merupakan satu peningkatan berbanding defisit RM4.5 bilion dan RM3.2 bilion yang masing-masing dicatat dalam suku keempat dan pertama tahun lalu.

Baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohammad meminta peniaga-peniaga mengurangkan import barangan yang tidak perlu, terutama jentera pembinaan bagi merapatkan jurang defisit negara.

Dr Mahathir berkata kerajaan mungkin terpaksa mengenakan sekatan ke atas import, terutama jentera berat bagi industri pembinaan, jika peniaga-peniaga tidak mengurangkannya secara sukarela. -- BERNAMA

DAB KY/sia